

Mengukuhkan Sektor Pembuatan

PENGENALAN

RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH, 2011-2015: KEMAJUAN

Sektor Pembuatan

Perusahaan Kecil dan Sederhana dalam Sektor
Pembuatan

ISU DAN CABARAN

Produktiviti

Industri Berintensif Buruh Bernilai Tambah
Rendah

Inovasi

Daya Saing

Pemboleh Pertumbuhan

RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS, 2016-2020: HALA TUJU

Mengeluarkan Produk yang Kompleks dan
Pelbagai

Meningkatkan Produktiviti Melalui Automasi

Menggalakkan Pertumbuhan Berasaskan Inovasi

Memperkukuh Pemboleh Pertumbuhan

Melonjakkan Pengantarabangsaan

KESIMPULAN

Kertas Strategi

19

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Pengarah
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Blok B5 & B6
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
MALAYSIA

<http://www.epu.gov.my>

Tel.: 603-8000 8000

Faks.: 603-8888 3755

Hakcipta Penerbit ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri**.

I. PENGENALAN

19.1 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), 2011-2015, sektor pembuatan menunjukkan prestasi yang menggalakkan. Kebanyakan subsektor utama mencatat pertumbuhan positif dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan eksport. Sektor pembuatan merupakan penyumbang terbesar kepada jumlah eksport dan kedua terbesar kepada KDNK. Walau bagaimanapun, jumlah syer sektor pembuatan negara kepada pasaran dunia mencatat penurunan berikutan persaingan sengit daripada ekonomi baru muncul seperti Republik Rakyat China, India dan Vietnam, khususnya dalam subsektor elektrik dan elektronik (E&E). Perkembangan sektor pembuatan yang tidak selaras dengan perubahan permintaan global, iaitu mengeluarkan produk yang sama dengan produk yang dikeluarkan oleh kebanyakan negara lain merupakan satu daripada faktor yang menyumbang kepada penurunan tersebut. Senario ini dijelaskan melalui penurunan bilangan produk eksport yang mempunyai Pendedahan Kelebihan Berbanding (*Revealed Comparative Advantage*-RCA) lebih daripada satu ($RCA > 1$).

19.2 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020, beberapa strategi akan diperkenalkan bagi menetapkan hala tuju baharu sektor pembuatan untuk menghasilkan produk bernilai tinggi, pelbagai dan kompleks. Peralihan hala tuju ini akan disokong dengan penggiatan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), penambahbaikan reka bentuk produk dan proses pembuatan serta penerapan amalan pembuatan yang mampan. Di samping itu, tumpuan juga diberikan kepada pematuhan standard, peningkatan risikan pasaran dan pengukuhan kerjasama antara pihak berkepentingan. Peralihan ini merangkumi perubahan daripada kuantiti kepada kualiti dan insentif secara umum kepada insentif berasaskan prestasi. Selain itu, pengilang akan digalakkan untuk memperluas pasaran ke peringkat antarabangsa serta memanfaatkan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA).

II. RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH, 2011-2015: KEMAJUAN

Sektor Pembuatan

19.3 Sektor pembuatan mencatatkan prestasi pertumbuhan yang positif, iaitu pada kadar purata 4.8% dalam tempoh RMKe-10 dan menyumbang sebanyak 23% atau RM243.9 bilion pada tahun 2015, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 19-1*. Pertumbuhan sektor ini telah disumbangkan sebahagian besar oleh subsektor E&E dan kimia. Nilai ditambah subsektor E&E meningkat daripada RM44.2 bilion pada tahun 2011 kepada RM53.8 bilion pada tahun 2015. Peningkatan ini sebahagiannya disebabkan oleh penggunaan aplikasi

baharu untuk produk semikonduktor dalam pendigitalan, mobiliti, ketersambungan, kecekapan tenaga dan peminiaturan. Subsektor kimia mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.4% setahun dengan peningkatan nilai ditambah daripada RM24.8 bilion pada tahun 2011 kepada RM27.8 bilion pada tahun 2015. Pertumbuhan ini disebabkan peningkatan permintaan produk kimia yang merupakan input penting kepada industri yang berkembang pesat seperti automotif, E&E, farmaseutikal dan pembinaan.

19.4 Produk pembuatan terus menguasai eksport negara, iaitu sebanyak 81.8% atau RM636.7 bilion daripada jumlah eksport pada tahun 2015. Dalam tempoh RMKe-10, eksport produk pembuatan dianggarkan mencatat pertumbuhan tahunan purata sebanyak 5.4%. Selain itu, pelaburan dalam sektor pembuatan mencatat pelaburan diluluskan berjumlah RM159.1 bilion bagi tempoh 2011 hingga 2014. Daripada jumlah tersebut, 42.8% adalah pelaburan langsung domestik (DDI) dan 57.2% pelaburan langsung asing (FDI). Pelaburan ini telah menjana 348,495 peluang pekerjaan baharu dan daripada jumlah tersebut, 75% adalah dalam kategori pengurusan, teknikal dan penyeliaan, dan pekerja mahir. Pada tahun 2015, pekerja dalam sektor ini dianggarkan berjumlah 2.5 juta orang, iaitu 18% daripada jumlah guna tenaga.

Paparan 19-1
Petunjuk Utama Sektor Pembuatan, 2010-2020

Petunjuk	2010	2015	2020	RMKe-10	RMKe-11
				Pencapaian	Sasaran
Sumbangan sektor pembuatan kepada KDNK (RM bilion pada harga 2010)	192.5	243.9	312.5	1,110.9	1,417.3
Kadar pertumbuhan tahunan purata (%)	12.1	4.7	4.4	4.8	5.1
Sumbangan kepada KDNK (%)	23.4	23.0	22.1	23.1	22.5
Eksport produk pembuatan (RM bilion pada harga 2010)	489.6	636.7	812.8	2,801.3	3,677.9
Sumbangan kepada jumlah eksport (%)	76.6	81.8	83.4	76.4	82.8
				Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)	
Sumbangan kepada jumlah guna tenaga (%)	17.0	18.0	18.2	3.9	2.5


Nota: Data 2015 adalah anggaran, data 2020 adalah sasaran
Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

19.5 Walaupun ekonomi dunia mengalami kelembapan pada tahun 2012, sektor pembuatan mengalami pertumbuhan positif disebabkan oleh faktor seperti yang berikut:

- permintaan yang tinggi daripada negara ASEAN
- peningkatan permintaan daripada Kesatuan Eropah (EU) khususnya Belgium, Jerman, Itali, Belanda dan Poland
- peningkatan import daripada rakan FTA seperti Australia, Chile, Republik Rakyat China, New Zealand dan Republik Korea

Perusahaan Kecil dan Sederhana dalam Sektor Pembuatan

19.6 Berdasarkan Banci Ekonomi 2011, sebanyak 645,136 pertubuhan atau 97.3% daripada jumlah pertubuhan sebanyak 662,939 merupakan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Sebanyak 37,861 pertubuhan atau 5.9% daripada jumlah PKS adalah pertubuhan dalam sektor pembuatan, dan 57% daripadanya dalam kategori perusahaan mikro, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 19-2*. Pada tahun 2013, PKS dalam sektor pembuatan menyumbang sebanyak 23.7% daripada sumbangan PKS kepada KDNK dan 48.5% jumlah eksport PKS. Produktiviti buruh bagi PKS dalam sektor pembuatan adalah sebanyak RM63,154 setiap pekerja melebihi produktiviti purata PKS iaitu RM50,818 setiap pekerja bagi tempoh 2011 hingga 2013.



Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia


III. ISU DAN CABARAN

19.7 Isu yang mempengaruhi prestasi sektor pembuatan adalah produktiviti yang rendah, industri berintensifkan buruh bernilai tambah rendah, kekurangan inovasi dan daya saing serta pemboleh yang lemah.

Produktiviti

19.8 Produktiviti buruh bagi sektor pembuatan dianggarkan meningkat kepada RM98,768 setiap pekerja pada tahun 2015 daripada RM94,423 setiap pekerja pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, berdasarkan Laporan Produktiviti 2013/2014 oleh Perbadanan Produktiviti

Malaysia (MPC), pertumbuhan keseluruhan produktiviti buruh Malaysia pada kadar 2.3% adalah masih rendah berbanding dengan beberapa negara sedang membangun seperti Republik Rakyat China (7.1%), Thailand (2.5%) dan India (2.4%) yang menjelaskan daya saing negara yang rendah di pasaran global. Dalam sektor pembuatan, hanya empat subsektor melepasi paras produktiviti RM100,000 setiap pekerja, iaitu subsektor berasaskan tembakau, petroleum bertapis, kimia dan bahan kimia serta industri berasaskan minyak sawit, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 19-3*.



Sumber: Laporan Produktiviti 2013/2014, Perbadanan Produktiviti Malaysia

Industri Berintensif Buruh Bernilai Tambah Rendah

19.9 Selaras dengan objektif Kerajaan untuk menarik pelaburan asing dan mewujudkan peluang pekerjaan pada tahun 1970-an dan 1980-an, kemasukan FDI adalah tertumpu kepada sektor pembuatan berintensif buruh. Kebanyakan pekerjaan yang wujud daripada FDI tersebut dijana oleh industri bernilai tambah rendah yang memerlukan pekerja kurang mahir, seterusnya menyebabkan kebergantungan yang tinggi kepada buruh asing. Keadaan ini menyebabkan penggunaan automasi dan permintaan pekerja mahir yang rendah seperti

yang ditunjukkan dengan pengurangan komposisi pekerja mahir daripada 26.3% pada tahun 2011 kepada 24.7% pada tahun 2013.

Kebergantungan terhadap Pekerja Asing Berkemahiran Rendah

19.10 Pada tahun 2014, sebanyak 36% pekerja asing bekerja dalam sektor pembuatan. Daripada jumlah tersebut, 74% bekerja dalam tujuh subsektor, iaitu E&E, kayu dan perabot, plastik, pemprosesan makanan, produk berasaskan getah, tekstil dan fabrikasi logam. Pekerja asing berkemahiran rendah yang mudah diperolehi tidak menggalakkan pengilang untuk mengubah kaedah pengeluaran kepada automasi dan teknologi bagi meningkatkan produktiviti.

Jurang Bakat

19.11 Peralihan ke arah menghasilkan produk bernilai tinggi dan kompleks memerlukan pekerja yang mahir, berpengetahuan teknologi, kreatif dan inovatif bagi menambah baik produk dan proses secara berterusan. Walau bagaimanapun, syarikat menghadapi kesukaran menggaji pekerja mahir dan berkemahiran khusus. Lebih 40% syarikat melaporkan kekosongan jawatan pekerja pengeluaran yang mahir¹. Ini adalah disebabkan oleh kekurangan bakat yang mempunyai *soft skills* dan kemahiran teknikal yang sesuai. Di samping itu, syarikat tidak dapat menarik minat bakat tempatan kerana ganjaran yang ditawarkan adalah rendah.

Inovasi

19.12 Kemajuan dalam bidang sains dan teknologi menyebabkan kitaran produk yang lebih singkat. Untuk kekal kompetitif, pengilang perlu terus berinovasi dan menambah baik ciri-ciri dan kualiti produk. Walau bagaimanapun, kebanyakan pengilang mempunyai keupayaan inovasi yang rendah disebabkan oleh kekurangan sumber dan pengetahuan serta keengganan untuk berubah. Di samping itu, kurang kefahaman terhadap pembangunan harta intelek (IP), mengelak risiko, serta peraturan dan standard yang tidak selaras dengan perubahan keperluan industri seterusnya menghalang usaha inovasi syarikat.

Sumber untuk Menjalankan R&D

19.13 R&D dan inovasi melibatkan risiko yang tinggi, tempoh matang yang panjang dan pelaburan perolehan dalam mesin dan peralatan pengujian yang tinggi. Oleh itu, pengilang

¹ *Malaysia Economic Monitor on Modern Jobs 2012, World Bank*

perlu melabur terlebih dahulu untuk melaksanakan penambahbaikan produk dan proses. Walau bagaimanapun, pengilang terutamanya PKS menghadapi kekangan untuk menjalankan aktiviti R&D, reka bentuk dan pembangunan, dan pengkomersialan disebabkan oleh kekurangan sumber. Kebanyakan subsektor menghadapi isu berkaitan kekurangan sumber terutamanya mesin dan peralatan (M&E), pengangkutan, kimia serta industri berasaskan getah dan berasaskan kayu. *The National Survey of Innovation 2012* (NSI-6) melaporkan hanya 38% pengilang merupakan syarikat yang inovatif.

Sokongan Teknologi

19.14 Kebanyakan aktiviti R&D dilaksanakan oleh Kerajaan dan syarikat multinasional. Walaupun terdapat beberapa institusi penyelidikan dan universiti awam yang melaksanakan aktiviti R&D di sektor tertentu, hasil penyelidikan tersebut kerap kali tidak memenuhi keperluan industri. Ketidakpadanan ini menyebabkan pulangan yang rendah kepada perbelanjaan awam serta kekurangan sokongan saintifik dan teknologi kepada industri. Oleh itu, kebanyakan industri tempatan merupakan penerima dan pengguna teknologi, dan bukannya pencipta teknologi².

Harta Intelekt

19.15 Terdapat kekurangan pemahaman mengenai kepentingan IP seperti reka bentuk industri, cap dagangan dan hak cipta bagi meningkatkan kreativiti, menggalakkan inovasi melalui teknologi serta menambah baik kedudukan daya saing dalam perdagangan. Pada kebiasaannya, keperluan untuk mendapatkan hak IP dianggap sebagai kos pendahuluan yang besar dan bebanan pengurusan yang perlu dipatuhi. Dalam tempoh 2009 hingga 2011, walaupun terdapat 39,669 pengilang berdaftar, hanya 6,055 permohonan pendaftaran IP, dan 609 atau 10% sahaja daripada permohonan tersebut berjaya.

Jurang Industri antara Syarikat Multinasional dengan PKS

19.16 Satu daripada langkah telah diambil bagi meningkatkan permintaan terhadap produk PKS melalui pembangunan hubungan domestik dengan syarikat multinasional. Walau bagaimanapun, PKS tidak dapat mematuhi standard dan memenuhi permintaan syarikat multinasional. Ketidakupayaan ini disebabkan oleh kos pemerolehan teknologi baharu serta menjalankan aktiviti R&D dan pengujian yang tinggi. Kelemahan jaringan domestik antara PKS dengan syarikat multinasional telah menghalang penyertaan PKS dalam rantaian bekalan global. *Malaysia Economic Monitor Report*, Jun 2014 oleh World Bank menunjukkan

² *Study on Technology Innovation Capabilities of Malaysia-Owned Companies, 2012*

bahawa jaringan domestik yang terhad menyumbang kepada nilai tambah yang rendah dalam subsektor E&E. Laporan tersebut juga menyatakan bahawa syarikat multinasional di Malaysia menggunakan input daripada syarikat tempatan kurang daripada 40%. Peratus ini adalah rendah berbanding dengan penggunaan input tempatan oleh syarikat multinasional di Vietnam sebanyak 46% dan Republik Rakyat China sebanyak 82%.

Mengelak Risiko

19.17 Cara berfikir dan sikap pengilang yang mengelak risiko terus menghalang inovasi. Secara umumnya, pengilang keberatan untuk mengubah operasi kerana bimbang akan mengganggu pengeluaran dan berasa selesa dengan operasi perniagaan sedia ada. Di samping itu, syarikat kurang berminat untuk melaksanakan inovasi produk kerana melibatkan risiko dan kos yang tinggi serta jangka masa yang panjang.

Daya Saing

19.18 Pengurangan peratusan dalam perdagangan dunia daripada 1.5% pada tahun 2000 kepada 1.2% pada tahun 2013 menunjukkan kemerosotan daya saing negara. Sumbangan eksport sektor pembuatan juga merosot daripada 83.3% pada tahun 2000 kepada 76.7% pada tahun 2013. Penurunan ini antaranya disebabkan oleh peningkatan persaingan dalam pasaran global susulan daripada penghapusan halangan perdagangan melalui FTA. Situasi ini diburukkan dengan kegagalan memanfaatkan FTA sepenuhnya dan mematuhi standard antarabangsa. Di samping itu, penyahsenaraian Malaysia daripada senarai negara yang layak menerima keistimewaan di bawah Sistem Keutamaan Am Kesatuan Eropah (EU GSP) mulai 1 Januari 2014, memberi cabaran yang lebih besar kepada pengeksport tempatan untuk menembusi pasaran Eropah.

Kepelbagaian Eksport

19.19 Berdasarkan rangka kerja kompleksiti ekonomi, seperti yang ditunjukkan dalam *Kotak 19-1*, kepelbagaian eksport meningkat dengan pesat daripada 490 produk pada tahun 1980 kepada 750 produk pada tahun 1990. Walau bagaimanapun, kepelbagaian eksport kekal sebanyak 760 produk dalam tempoh 2000 hingga 2010. Selain itu, komposisi eksport berubah daripada eksport bahan mentah kepada eksport produk pembuatan, menunjukkan peralihan kepada produk yang lebih kompleks. Eksport produk dengan $RCA > 1$ juga telah meningkat daripada 56 produk pada tahun 1980 kepada 126 produk pada tahun 1990. Walau bagaimanapun, dalam tempoh dua dekad yang lalu, sektor pembuatan tidak berkembang sejajar dengan peningkatan permintaan dunia terhadap produk yang lebih kompleks dan sofistikated. Eksport produk dengan $RCA > 1$ meningkat secara sederhana

daripada 111 produk pada tahun 2000 kepada 123 produk pada tahun 2010, menunjukkan bahawa eksport negara adalah kurang pelbagai dan tidak unik. Situasi ini disokong oleh *Global Competitiveness Index* (GCI) dan *Economic Complexity Index* (ECI) yang menunjukkan pada tahun 2013, Malaysia berada pada kedudukan yang rendah, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 19-4*.

Paparan 19-4
Kedudukan Malaysia berdasarkan
Global Competitiveness Index* dan *Economic Complexity Index

Negara	Kedudukan GCI / 152	Kedudukan ECI / 128
Switzerland	1	3
Singapura	2	7
Finland	3	6
Jerman	4	2
Amerika Syarikat	5	13
Sweden	6	4
Hong Kong	7	24
Belanda	8	23
Jepun	9	1
United Kingdom	10	9
Malaysia	24	34

Sumber: *The Global Competitiveness Report 2013-2014*, World Economic Forum dan *Complexity Analysis Study of Malaysia's Manufacturing Industries, 2014*

Kotak 19-1
Economic Complexity Index (ECI)

Economic Complexity Index (ECI) merumuskan tahap kompleksiti produk eksport sesebuah negara. Data perdagangan antarabangsa digunakan untuk menilai jaringan yang menghubungkan negara dengan produk yang dihasilkan. ECI menggunakan jaringan data perdagangan tersebut untuk mengukur tahap keupayaan produktif atau "*know-how*" produk eksport dan mengenal pasti produk yang unik dan pelbagai. Oleh itu, ECI yang tinggi merupakan satu indikator sebagai negara yang berpendapatan tinggi.

ECI ini adalah berdasarkan kepada rangka kerja kompleksiti ekonomi dan ruang produk (*product space*) yang dibangunkan oleh Cesar A. Hidalgo (*Massachusetts Institute of Technology, Media Lab*) dan Ricardo Hausmann (*Harvard University's Kennedy School of Government*) yang jelas menggariskan ruang peluang (*opportunity space*) dan risiko yang terlibat dengan pilihan kepelbagaian produk yang berbeza. Rangka kerja ini menunjukkan bahawa negara maju menghasilkan atau mengeksport banyak produk dengan $RCA > 1$ (kepelbagaian tinggi) dan produk yang dihasilkan atau dieksport oleh segelintir negara (unik). Sebaliknya, negara kurang membangun menghasilkan atau mengeksport beberapa produk dengan $RCA > 1$ (kepelbagaian rendah) dan produk yang dihasilkan atau dieksport oleh banyak negara (tidak unik). Perkara ini boleh diringkaskan seperti yang berikut:

- Beberapa negara mengeluarkan hampir semua produk (negara pelbagai);
- Negara lain hanya mengeluarkan beberapa produk (negara tidak pelbagai);
- Sesetengah produk dikeluarkan oleh beberapa negara (produk yang unik);
- Produk lain dikeluarkan oleh hampir semua negara (produk yang tidak unik);
- Produk yang tidak unik dikeluarkan oleh negara yang pelbagai dan tidak pelbagai; dan
- Produk yang unik cenderung dikeluarkan hanya oleh negara yang pelbagai.

Pembaharuan Dasar

19.20 Terdapat beberapa pembaharuan dasar dilaksanakan untuk memperkukuh pasaran buruh dan menghapuskan herotan pasaran bagi meningkatkan daya saing industri. Gaji minimum telah diperkenalkan untuk memperkukuh pasaran buruh dan menggalakkan peralihan daripada industri berintensif buruh kepada industri berintensif modal. Di samping itu, subsidi harga tenaga sedang dirasionalisasikan secara berperingkat untuk menghapuskan herotan pasaran. Pembaharuan dasar ini telah menyebabkan kenaikan sementara kepada harga input pengeluaran dan menjejaskan daya saing.

Keupayaan Memanfaatkan FTA

19.21 Walaupun bilangan FTA yang telah dimeterai semakin meningkat, secara purata hanya 40% daripada FTA dimanfaatkan oleh syarikat tempatan berbanding 45% daripada syarikat di negara Asia yang lain. Tahap yang rendah ini antaranya disebabkan oleh kurang kesedaran mengenai FTA, iaitu hanya 30% syarikat memahami manfaat FTA. Pada kebiasaannya, FTA ini hanya dimanfaatkan oleh satu atau dua sektor utama dan sebilangan syarikat besar³. Sebagai contoh, pada tahun 2012 hanya 20% daripada Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-Jepun dimanfaatkan. Ketidakupayaan untuk memanfaatkan FTA menyebabkan pengilang memberi tumpuan kepada pasaran domestik dan melepaskan peluang dalam pasaran negara yang memeterai FTA.

Pematuhan Standard

19.22 Pasaran dunia berubah secara berperingkat ke arah pengeluaran produk hijau dan mesra alam. Pematuhan kepada standard memerlukan pelaburan dalam pengujian dan pensijilan. Walau bagaimanapun, pengilang menghadapi kesukaran untuk mematuhi keperluan alam sekitar pada peringkat global disebabkan oleh kurangnya kesedaran, modal dan pengetahuan. Kegagalan mematuhi keperluan tersebut menyebabkan produk tidak dapat dieksport.

Pemboleh Pertumbuhan

19.23 Pemboleh merupakan antara faktor penentu kepada daya tarikan sesebuah negara sebagai destinasi pelaburan. Pemboleh utama seperti logistik, kawasan perindustrian, jalur lebar dan pembiayaan dapat membantu pengilang berkembang dan menjadi lebih berdaya saing dalam pasaran. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai cabaran untuk membangunkan pemboleh ini.

Sokongan Logistik

19.24 Kemudahan logistik dan fasilitasi perdagangan yang tidak efisien dan berkos tinggi di Malaysia menyebabkan negara ketinggalan berbanding beberapa negara ASEAN seperti Indonesia, Singapura dan Thailand, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 19-5*. Kos berkaitan pelepasan kastam, pengangkutan darat dan pengendalian barangan di Malaysia adalah lebih tinggi berbanding negara tersebut.

³ *The Study to Assess the Impact of the Implementation of Ftas on Malaysian Industries and Consumers, 2014*

Paparan 19-5

Indeks Prestasi Logistik: Negara Terpilih, 2012

Negara	Malaysia	Singapura	Thailand	Indonesia
Masa dan Kos Eksport/Rangkaian Pelabuhan atau Lapangan Terbang				
Jarak (km)	73	130	300	81
Masa utama (hari)	3	2	2	2
Kos (USD)	285	178	707	415
Masa dan Kos Eksport/Rangkaian Bekalan Darat				
Jarak (km)	172	25	300	104
Masa utama (hari)	2	2	2	3
Kos (USD)	298	250	250	309

Sumber: *Logistics Performance Index Results 2012, World Bank*

Infrastruktur

19.25 Terdapat lebih daripada 600 kawasan perindustrian yang kebanyakannya tidak mempunyai fasiliti yang mencukupi. Kawasan perindustrian juga tidak diselenggara dengan baik kerana tidak mempunyai pengurus kawasan perindustrian dan sumber pihak berkuasa tempatan yang terhad. Akses dan liputan jalur lebar masih tidak mencukupi di kebanyakan kawasan perindustrian. Kekurangan ini menghalang penggunaan ICT dalam kalangan pengilang terutamanya PKS untuk meningkatkan kecekapan dan akses pasaran yang lebih baik. Pengilang di Sabah dan Sarawak menghadapi keadaan yang lebih mencabar. Di samping infrastruktur yang tidak mencukupi yang menyebabkan ketersambungan dan kualiti utiliti yang rendah, pengilang di kedua-dua negeri ini juga berhadapan dengan cabaran yang lebih besar dalam fasilitasi perdagangan, kesukaran mendaftarkan perniagaan dan akses pasaran yang terhad.

Akses kepada Pembiayaan

19.26 Pembiayaan memainkan peranan penting dalam menyokong firma untuk berinovasi, berkembang dan menggunakan proses pengeluaran yang lebih cekap. Walau bagaimanapun, kebanyakan institusi kewangan swasta enggan menyediakan pembiayaan kerana kekurangan kepakaran untuk menilai teknologi baharu dan mengelak risiko. Keperluan cagaran, terutamanya daripada syarikat baharu dan syarikat baru mula juga merupakan halangan kepada akses pembiayaan.

IV. RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS, 2016-2020: HALA TUJU


19.27 Dalam tempoh RMKe-11, tumpuan akan diberikan kepada aktiviti sektor pembuatan bernilai tinggi bagi memperoleh nilai tambah domestik yang lebih tinggi, mengeluarkan produk yang lebih kompleks dan pelbagai, serta menjana pekerjaan bergaji tinggi. Usaha akan diambil untuk meningkatkan kualiti produk yang dihasilkan khususnya oleh PKS dan memperluas pasaran serantau dan menembusi pasaran baharu dengan memanfaatkan AEC dan FTA.

19.28 Sektor pembuatan disasar berkembang pada kadar tahunan purata 5.1% dalam tempoh RMKe-11 dan menyumbang sebanyak 22.1% kepada KDNK pada tahun 2020, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 19-1*. Sumbangan sektor pembuatan kepada jumlah eksport dianggarkan sebanyak 82.8% atau RM3.68 trilion. Produktiviti buruh pula dijangka berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan purata 2.6% dan sektor ini dijangka menyumbang 18.2% kepada jumlah guna tenaga pada tahun 2020.

19.29 Sepuluh strategi telah dikenal pasti bagi mentransformasi sektor pembuatan, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 19-6*. Strategi tersebut dikategorikan kepada lima bidang fokus dasar, iaitu:


- mengeluarkan produk yang kompleks dan pelbagai
- meningkatkan produktiviti melalui automasi
- menggalakkan pertumbuhan berasaskan inovasi
- memperkukuh pemboleh pertumbuhan
- melonjakkan pengantarabangsaan

Paparan 19-6
Kanvas Strategi Sektor Pembuatan



19.30 Tiga subsektor pemangkin iaitu kimia, E&E serta M&E bersama dengan subsektor aeroangkasa dan peranti perubatan yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi akan menjadi pemacu pertumbuhan sektor pembuatan. Keupayaan subsektor ini memacu pertumbuhan kerana mempunyai kesalinghubungan yang mantap dengan pelbagai subsektor lain dan berkeupayaan menyokong pembangunan keseluruhan sektor pembuatan. Di samping itu, pengilang dalam subsektor ini mempunyai potensi dan keupayaan yang lebih tinggi untuk mempelbagaikan pengeluaran kepada produk bernilai tambah tinggi dan lebih kompleks, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 19-7*. Langkah strategik bagi mempelbagaikan eksport akan dilaksanakan untuk meningkatkan daya saing sektor pembuatan. Strategi kepelbagaian ini akan memberi tumpuan kepada produk yang kompleks dan bernilai tinggi, iaitu produk *frontier*.

Paparan 19-7
Rangka Kerja Pembuatan



Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Mengeluarkan Produk yang Kompleks dan Pelbagai

19.31 *The Complexity Analysis Study of Malaysia's Manufacturing Industries, 2014* mengenal pasti 238 produk yang kompleks, boleh dihasilkan dengan teknologi sedia ada serta mempunyai nilai strategik untuk dipelbagaikan. Produk ini merupakan produk *frontier* yang terdiri daripada 66 produk dalam subsektor kimia, 76 M&E, 9 E&E dan 87 subsektor lain. Produk *frontier* tersebut akan saling berkait dengan produk bernilai tinggi dan kompleks yang dihasilkan oleh negara maju.

19.32 MIDA dan agensi promosi pelaburan yang lain (IPA) akan memberi tumpuan kepada usaha menggalakkan pengeluaran produk *frontier* yang telah dikenal pasti. Contohnya, produk *frontier* bagi subsektor E&E adalah produk laser elektrik atau sinar foton dan peralatan sinar-X. Bagi subsektor kimia adalah produk kecantikan dan kosmetik, dan produk pelincir, manakala bagi M&E adalah peralatan kuasa dan pencetus elektrik. Produk yang

bernilai rendah dan kurang kompleks akan dikeluarkan daripada senarai produk yang digalakkan dan layak mendapat insentif. Inisiatif yang akan dilaksanakan termasuk:

- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan memudahcarakan kerjasama antara pengeluar produk *frontier*, persatuan industri dan institusi akademik membangunkan dan melabur dalam pusat kecemerlangan dalam industri produk *frontier*
- MIDA akan memasukkan produk *frontier* dalam senarai produk digalakkan dan layak diberi insentif bagi menggalakkan pengilang untuk mengeluarkan produk tersebut
- Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp.) akan menggiatkan kerjasama antara PKS dengan syarikat besar dan mencontohi model yang berjaya bagi menggalakkan pengeluaran produk *frontier*
- satu pasukan petugas untuk subsektor kimia dan M&E bagi menggalakkan kerjasama penyelidikan seperti Pusat Collaborative Research in Engineering, Science & Technology (CREST) akan ditubuhkan
- MATRADE akan menggalakkan syarikat multinasional untuk membantu PKS yang berpotensi mengeksport produk *frontier*, khususnya ke pasaran baharu
- MITI akan merapatkan jurang kemahiran dengan memanfaatkan Majlis Kemahiran Industri (ISC) dan bekerjasama dengan kementerian dan agensi lain serta persatuan industri dalam menggariskan rangka kerja kemahiran dalam industri produk *frontier*
- skop pembiayaan bagi dana sedia ada di bawah pelbagai agensi akan diperluas kepada PKS, khususnya syarikat baru mula yang akan menceburi industri produk *frontier*

Meningkatkan Produktiviti Melalui Automasi

19.33 Dalam tempoh RMKe-11, industri digalakkan untuk meningkatkan produktiviti melalui automasi, mengurangkan kebergantungan terhadap buruh asing dan membangunkan pekerja berkemahiran tinggi melalui latihan berasaskan industri.

Menggalakkan Automasi

19.34 Penggunaan automasi dan teknologi yang meluas akan digalakkan bagi meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing berkemahiran rendah. Bantuan kewangan dan bukan kewangan akan diteruskan bagi menggalakkan penggunaan automasi dalam proses pengeluaran. Skop bantuan kewangan sedia ada akan diperluas kepada perolehan teknologi, latihan, latihan semula dan peningkatan kemahiran bagi tujuan pengoperasian dan penyelenggaraan mesin.

Mengetatkan Prosedur Penggajian Pekerja Asing

19.35 Langkah akan diambil untuk mengetatkan prosedur penggajian pekerja asing kurang mahir bagi menggalakkan automasi dalam pengeluaran. Antara langkah yang akan diambil adalah:

- meningkatkan kadar levi pekerja asing dalam sektor perkilangan secara berperingkat
- menetapkan had pengambilan pekerja asing kepada pengilang. Pengambilan pekerja asing akan dijadikan satu daripada kriteria pemberian insentif khusus dan berasaskan prestasi
- memperketat aliran masuk pekerja asing melalui pemantauan terhadap syarikat yang memohon lesen pengilang dan insentif serta mengenakan hukuman yang lebih berat kepada pengilang yang mengambil pekerja asing tanpa izin
- meningkatkan gaji minimum secara berperingkat bagi mengurangkan permintaan pekerja asing dan menggalakkan automasi yang lebih tinggi

Meningkatkan Latihan Kemahiran Berasaskan Industri

19.36 Langkah ke arah automasi dan produktiviti yang lebih tinggi akan disokong oleh peningkatan latihan kemahiran berasaskan industri melalui kerjasama dengan pakar daripada industri dan institut latihan. Pelaksanaan latihan kemahiran berasaskan industri adalah sejajar dengan peralihan kepada pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET). Langkah berikut akan diperkenalkan bagi meningkatkan latihan kemahiran berasaskan industri:

- menggalakkan pengilang bekerjasama dengan pusat pembangunan kemahiran bagi melengkapkan dan menaik taraf kemudahan latihan dengan mesin dan peralatan terkini untuk memastikan penyediaan tenaga kerja yang berkemahiran
- memanfaatkan ISC bagi memperkukuh, membangun dan melaksanakan sukatan pelajaran baharu dan relevan dengan mengenal pasti bidang dan profil modal insan bagi memenuhi keperluan industri baru muncul
- menggalakkan pengilang untuk menyediakan program latihan amali dengan tempoh yang lebih panjang untuk pelajar. Program latihan amali berstruktur bersama industri akan diperkenalkan kepada pelajar untuk melahirkan bakat yang memenuhi keperluan industri apabila tamat pengajian
- menggalakkan latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja mahir bagi meningkatkan tahap kecekapan dan membolehkan mereka mendapat pekerjaan bergaji tinggi

Menggalakkan Pertumbuhan Berasaskan Inovasi

19.37 Inovasi produk dan proses adalah penting untuk pertumbuhan dan daya saing sektor pembuatan. Inovasi dapat meningkatkan produktiviti dan perlu dianggap sebagai pelaburan dan bukannya kos. Oleh itu, pengilang akan digalakkan untuk:

- memanfaatkan perantara untuk meningkatkan aktiviti R&D dan inovasi
- memanfaatkan persatuan industri dan dewan perniagaan sebagai platform untuk memacu inovasi dan produktiviti
- meningkatkan perkongsian dan perlindungan hak harta intelek
- mengguna pakai penilaian kitaran hayat
- menyelaraskan pembangunan industri dengan komitmen pelbagai hala mengenai alam sekitar

Memanfaatkan Perantara untuk Meningkatkan Aktiviti R&D dan Inovasi

19.38 Pengilang akan digalakkan untuk menjalankan aktiviti R&D dan inovasi untuk menambah baik produk dan proses dengan memanfaatkan institusi penyelidikan sedia ada melalui perantara seperti Steinbeis Malaysia Foundation (Steinbeis), SIRIM-Fraunhofer dan PlaTCOM Ventures Sdn. Bhd. Perantara ini akan mendapatkan khidmat pakar berkaitan untuk menyediakan penyelesaian kepada masalah berkaitan pembuatan dan mengukuhkan kerjasama antara pengilang dengan institusi penyelidikan. Kerjasama tersebut akan mengurangkan kos menjalankan aktiviti R&D, meningkatkan pengetahuan teknikal dan menambah baik proses kerja. Di samping itu, Program 1-InnoCERT oleh SME Corp. akan terus dipromosi untuk melengkapkan usaha kerjasama yang terjalin antara perantara, industri dan penyelidik.

Memanfaatkan Persatuan Industri dan Dewan Perniagaan untuk Memacu Inovasi dan Produktiviti

19.39 Persatuan industri dan dewan perniagaan akan dimanfaatkan sebagai platform untuk memacu inovasi dan mengguna pakai teknologi bagi meningkatkan produktiviti. Platform ini akan digunakan untuk menyebarkan maklumat mengenai dasar berkaitan industri, mendapatkan maklum balas dan menjalankan latihan industri khusus. Di samping itu, platform tersebut akan membolehkan perkongsian maklumat mengenai alat penambahbaikan seperti *Lean Six Sigma*, *A3 Problem Solving*, Pengurusan Kualiti Menyeluruh dan *Enterprise Resource Planning*.

Menggalakkan Perkongsian dan Perlindungan Hak Harta Intelekt

19.40 Kerjasama antara institusi penyelidikan dengan pengilang akan diperkukuh dengan menggalakkan perkongsian dan perlindungan hak harta intelek. Garis panduan berkaitan perkongsian dan perlindungan harta intelek yang jelas dan telus akan dibangunkan oleh institusi penyelidikan untuk melindungi kepentingan dan memastikan pulangan yang saksama kepada pengilang dan penyelidik. Garis panduan ini akan menggalakkan institusi penyelidikan awam untuk menjalankan penyelidikan dengan sektor swasta. Mekanisme 'bayar bagi setiap penggunaan' akan diperkenalkan bagi penggunaan makmal dan fasiliti R&D awam untuk mengurangkan kos R&D pengilang dan institusi penyelidikan kecil. Mekanisme ini juga akan dapat meningkatkan pulangan ke atas pelaburan makmal dan fasiliti R&D awam.

Mengguna Pakai Penilaian Kitaran Hayat

19.41 Penggunaan proses pembuatan yang mampan melalui penilaian kitaran hayat (LCA) akan digalakkan selaras dengan arah aliran global ke arah penggunaan dan pengeluaran yang mampan. Bagi tujuan ini, pengilang akan digalakkan untuk menggunakan proses pengeluaran mesra alam bagi mendapatkan semula bahan daripada sisa dan seterusnya mengurangkan penggunaan bahan mentah dalam pengeluaran. LCA akan digunakan untuk memangkin pembangunan industri pengilangan semula (*remanufacturing industry*) sebagai sumber baharu pertumbuhan ekonomi.

Menyelaraskan Pembangunan Industri dengan Komitmen Pelbagai Hala Mengenai Alam Sekitar

19.42 Pembangunan industri akan diselaras sejajar dengan komitmen antarabangsa dan komitmen pelbagai hala mengenai alam sekitar bagi memastikan produk yang dihasilkan mematuhi standard antarabangsa serta dapat mengatasi halangan perdagangan bukan tarif melalui langkah-langkah berikut:

- mengguna pakai pendekatan penglibatan awal pihak berkepentingan yang berkaitan bagi menetapkan matlamat dan keutamaan negara dalam semua perundingan antarabangsa bagi memastikan kepentingan negara dipelihara
- memperkukuh kerjasama dan sistem komunikasi antara agensi Kerajaan dan pengilang untuk meningkatkan pematuhan kepada komitmen pelbagai hala mengenai alam sekitar

- menerapkan amalan penggunaan dan pengeluaran mampan (SCP) dengan menggabungkan tiga tunggak pembangunan mampan iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar dalam dasar, strategi, undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan sektor pembuatan
- meningkatkan kerjasama strategik antarabangsa dengan ekonomi maju khususnya dalam bidang teknologi, inovasi dan R&D untuk memastikan pematuhan komitmen alam sekitar serta mengurangkan kos berkaitan pematuhan

Memperkukuh Pemboleh Pertumbuhan

19.43 Pembiayaan, insentif, perkhidmatan logistik dan kawasan perindustrian merupakan pemboleh pertumbuhan utama bagi sektor pembuatan. Strategi yang dikenal pasti untuk membolehkan pertumbuhan sektor ini adalah dengan meningkatkan akses kepada pembiayaan, memperkenalkan insentif berasaskan prestasi dengan dasar pemisah dan meningkatkan sokongan infrastruktur fizikal.

Meningkatkan Akses kepada Pembiayaan

19.44 Akses kepada pembiayaan bagi menyokong inovasi akan ditambah baik dengan meningkatkan tahap keyakinan institusi kewangan kepada proses dan risiko inovasi. Institusi kewangan akan digalakkan untuk menubuhkan panel pakar bebas bagi menilai perniagaan dan projek inovasi dalam bidang baharu. Akses kepada pembiayaan akan ditingkatkan dengan menyeragamkan prosedur pinjaman, mengurangkan keperluan cagaran serta mengiktiraf IP dan menukar IP kepada nilai wang. Langkah ini akan disokong melalui:

- Program PARTNER oleh Persatuan Bank-Bank di Malaysia yang memudahkan proses mendapatkan pinjaman khususnya untuk PKS
- Pusat Rujukan Setempat (ORC) sebagai portal tunggal di bawah SME Corp. untuk menyatukan maklumat mengenai kemudahan bantuan kewangan dari bank, institusi kewangan dan agensi kerajaan
- BNMLINK sebagai sebuah pusat perhubungan untuk memudahkan maklum balas yang cepat dan cekap kepada PKS berhubung dengan perkara berkaitan dengan pembiayaan

Memperkenalkan Insentif Berasaskan Prestasi

19.45 MIDA dan IPA lain akan memperkenalkan insentif berasaskan prestasi, iaitu insentif yang mempunyai petunjuk prestasi utama, tempoh sah dan dasar pemisah yang jelas. Insentif ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan menggalakkan inovasi dalam kalangan pengilang. Insentif akan dirangka untuk menarik pelaburan berkualiti, menggalakkan automasi, meningkatkan bilangan pekerja pelbagai kemahiran dan mempertingkatkan pengeluaran yang mampan.

Meningkatkan Logistik dan Sokongan Infrastruktur

19.46 Ekosistem logistik dan fasilitasi perdagangan akan ditambah baik bagi mengoptimumkan pengangkutan barangan bagi mengurangkan kos produk serta meningkatkan produktiviti dan kelebihan daya saing. Platform jualan maya dengan ciri e-dagang, akan digalakkan untuk memadankan bekalan logistik dan permintaan bagi menggalakkan PKS memanfaatkan peruncitan dalam talian dan mendapat akses kepada pasaran yang lebih luas.

19.47 Pendekatan pembangunan kawasan perindustrian akan diubah daripada hanya pembangunan hartanah kepada kawasan perindustrian sebagai pemboleh utama untuk pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Di samping itu, pendekatan kos kitaran hayat yang lengkap akan diguna pakai bagi memastikan kawasan perindustrian berdaya maju dan mampan. Dalam hal ini, MITI akan melaksanakan usaha seperti yang berikut:

- mereka bentuk model pengurusan kawasan perindustrian yang berdikari untuk mengukuhkan tadbir urus kawasan perindustrian. Model ini, antara lain, menjelaskan peranan dan tanggungjawab pengurus kawasan perindustrian sebagai penyedia perkhidmatan bagi meningkatkan keberkesanan penyediaan perkhidmatan kepada pelanggan. Pengurus kawasan perindustrian akan bertanggungjawab untuk merancang dan menyediakan kemudahan yang mencukupi seperti jalan raya, bekalan elektrik, air dan infrastruktur jalur lebar serta perkhidmatan keselamatan dan promosi
- membangunkan repositori berpusat bagi menyimpan maklumat mengenai kawasan perindustrian termasuk lokasi, ciri fizikal dan ketersediaan tanah. Repositori ini akan diguna oleh MIDA untuk menarik pelaburan dan memudahkan pelabur menempatkan perniagaan mereka

Melonjakkan Pengantarabangsaan

19.48 Sebagai sebuah ekonomi yang kecil dan terbuka, trajektori pertumbuhan negara bergantung kepada prestasi dagangan. Usaha berterusan akan diambil untuk meneroka dan menembusi pasaran baharu bagi menjadi rakan dagangan pilihan. Langkah-langkah yang akan dilaksanakan termasuk:

- mempergiat promosi eksport
- meningkatkan pematuhan standard
- memanfaatkan AEC dan FTA
- memanfaatkan persatuan industri bagi mendapat akses pasaran yang lebih luas
- meningkatkan kerjasama PKS dengan syarikat multinasional

Mempergiat Promosi Eksport

19.49 Untuk mempergiat promosi eksport, MATRADE dan agensi-agensi lain akan mengambil langkah seperti yang berikut:

- memanfaatkan Majlis Eksport Negara yang baru ditubuhkan untuk menangani jurang dan cabaran dalam rantai bekalan eksport
- memperkasakan Program Pembangunan Syarikat Peringkat Pertengahan untuk mempercepat pertumbuhan eksport dan mengukuhkan fungsi teras perniagaan syarikat peringkat pertengahan, iaitu syarikat yang mempunyai jualan tahunan purata sebanyak RM20 juta sehingga RM500 juta. Ini akan memudahkan syarikat pertengahan menembusi pasaran baharu melalui rangkaian global, pengedar dan rakan teknologi. 50 syarikat peringkat pertengahan dijangka mengambil bahagian dalam program ini setiap tahun sehingga tahun 2020
- meneruskan Program Going Export (GoEx) untuk mengantarabangsakan PKS dan meningkatkan sumbangan eksport daripada 15.7% pada tahun 2010 kepada 25% pada tahun 2020
- mendapatkan khidmat pakar untuk mengumpul maklumat mengenai pasaran luar negara bagi membantu firma tempatan untuk terlibat dalam aktiviti eksport

Meningkatkan Pematuhan Standard

19.50 Lebih banyak standard dan peraturan yang berkaitan akan diwajibkan bagi memastikan pengilang kekal berdaya saing dan dapat menembusi pasaran global. Strategi berikut akan dilaksana:

- meningkatkan kerjasama antara Jabatan Standard Malaysia dengan pengilang bagi mengenal pasti standard antarabangsa yang relevan untuk diguna pakai oleh industri tempatan

- melaksanakan amalan pengeluaran mampan bagi membolehkan pengilang mengeluarkan produk mesra alam bagi memenuhi permintaan terhadap produk hijau khususnya di pasaran Eropah

Memanfaatkan AEC dan FTA

19.51 Pelaksanaan Pelan Pembangunan AEC yang bermula pada tahun 2015 akan mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk perdagangan dan pelaburan serta membuka pasaran ASEAN yang mempunyai 620 juta penduduk kepada peniaga Malaysia. Satu daripada tonggak AEC adalah 'pusat pengeluaran tunggal' iaitu ASEAN akan menjadi hab pembuatan produk untuk memenuhi permintaan negara anggota ASEAN dan rakan dagangannya. Di samping itu, AEC juga akan menangani isu lain seperti pergerakan tenaga buruh mahir, percukaian dan perlindungan IP untuk menyokong konsep asas pusat pengeluaran tunggal. Pelan Pembangunan AEC 2015 menjadi asas bagi memperkukuh integrasi ekonomi ASEAN selepas 2015. Sebagai agensi peneraju, MITI akan melaksanakan inisiatif seperti yang berikut:

- menggalakkan rangkaian industri intra-ASEAN yang lebih luas untuk mengukuhkan rantaian bekalan dan pengeluaran bagi memaksimumkan peluang pasaran dalam ASEAN dan pasaran baharu
- menggalakkan pelaburan rentas sempadan dengan memanfaatkan pertumbuhan segi tiga subwilayah untuk menggalakkan pertumbuhan di kawasan sempadan negara seperti Serikin di Sarawak-Kalimantan dan Padang Besar di Perlis-Songkhla
- memanfaatkan syarikat Malaysia sedia ada di Republik Rakyat China dan India melalui kerjasama dengan Perusahaan Milik Negara mereka
- meningkatkan kesedaran mengenai FTA bagi meningkatkan manfaat FTA dan meneroka FTA baharu pada masa hadapan

Memanfaat Persatuan Industri bagi Mendapat Akses Pasaran yang Lebih Luas

19.52 Persatuan industri akan digalakkan untuk memainkan peranan yang lebih besar bagi memudahkan perkongsian maklumat antara dan dalam subsektor dan akses kepada pasaran, menggunakan teknologi lebih maju, dan meningkatkan pembangunan sumber manusia. Bagi membolehkannya menerajui industri berkaitan pada peringkat global, persatuan industri akan digalakkan untuk:

- membentuk perkongsian pintar dengan persatuan industri di negara lain, bagi membolehkan pengilang memperoleh maklumat penting mengenai trend pasaran, mendapat khidmat nasihat dan pengetahuan daripada pakar mengenai standard dan peraturan, mendapat peluang perniagaan dan mengemukakan cadangan

penyelesaian terhadap isu berkaitan industri termasuk halangan perdagangan bukan tarif

- menggalakkan pendekatan konsortium dalam kalangan ahli untuk menggembeng sumber dan maklumat risikan pasaran, meningkatkan kepelbagaian produk, berkongsi pengetahuan dan memperkukuh rangkaian untuk meningkatkan keupayaan eksport serta mengurangkan kos dan risiko untuk menembusi pasaran luar negara

Meningkatkan Kerjasama PKS dengan Syarikat Multinasional

19.53 Sokongan bersepadu akan disediakan untuk meningkatkan keupayaan dan kebolehan PKS. Di samping itu, syarikat multinasional akan digalakkan untuk memupuk dan membimbing PKS menjadi pembekal dan vendor mereka. Strategi yang akan dilaksanakan termasuk:

- memperluas konsep kilang-dalam-kilang, iaitu PKS diberi peluang beroperasi dalam kilang syarikat multinasional
- mengenakan syarat yang lebih ketat kepada syarikat multinasional untuk menggunakan input tempatan, terutamanya keluaran PKS
- memperkukuh Program Pembangunan Vendor bagi membolehkan PKS meningkatkan status daripada pembekal tahap kedua kepada pembekal peringkat pertama dan seterusnya menjadi Pengilang Jenama Sendiri (*Own-Brand-Manufacturers*) dan Pengilang Reka Bentuk Sendiri (*Own-Design-Manufacturers*)

V. KESIMPULAN

19.54 Dalam tempoh RMKe-11, sektor pembuatan akan distruktur semula untuk kekal kompetitif. Inisiatif strategik akan dilaksanakan untuk mengeluarkan produk yang lebih kompleks, pelbagai dan bernilai tinggi melalui pembangunan subsektor pemangkin. Firma akan digalakkan untuk meningkatkan produktiviti melalui automasi dan inovasi, melaksanakan amalan pengeluaran mampan serta memanfaatkan persatuan industri untuk menjadi lebih berdaya saing. Tumpuan akan diberikan kepada peningkatan kualiti, tadbir urus sektor secara bersepadu, insentif berasaskan prestasi dan menggalakkan eksport.